

RUJ. KAMI (OUR REF.) : UMP/02.01/10.12/2 (14)
RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

25 Februari 2010

Dekan/Pengarah/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Tuan/Puan,

PENGUNAAN MEDIA JARINGAN SOSIAL DI SEKTOR AWAM

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian tuan/puan berhubung surat MAMPU.BDPICT (S) 700-6/1/3 (21) bertarikh 19 November 2009 dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Maklumat UMP yang bersidang pada 21 Januari 2010 berkaitan perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa berdasarkan statistik pemantauan penggunaan *Facebook* di UMP dari 3 Januari hingga 8 Januari 2010, jumlah staf UMP yang akses ke laman web *Facebook.com* pada waktu pejabat khususnya antara jam 8.00 pagi hingga 9.00 pagi adalah seramai 1310 pengunjung (87.33%).

3. Walaupun pihak Pengurusan Universiti tidak bercadang untuk menyekat penggunaan media jaringan sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *MySpace* yang merupakan saluran komunikasi oleh pelbagai pihak untuk berkomunikasi dan berkongsi pelbagai maklumat yang berkaitan, namun penggunaannya perlu dikawal. Oleh itu, perhatian tuan/puan perlulah mengambilkira perkara berikut;

(a) mematuhi Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil.1 Tahun 2003 "Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-Agensi Kerajaan;

(b) sebarang bentuk maklumat yang dikongsi dan disebar melalui media sosial tidak menjejaskan kepentingan perkhidmatan awam dan kedaulatan Negara; dan

(c) tidak melibatkan penyebaran maklumat dan dokumen terperingkat.

4. Sehubungan dengan itu, semua Ketua Jabatan hendaklah mengambil tindakan sewajarnya terhadap staf di jabatan masing-masing agar peraturan penggunaannya dipatuhi serta dipantau sepenuhnya dengan berkesan.

5. Untuk rujukan selanjutnya, segala maklumat yang berkaitan Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat & Komunikasi, Arahan Keselamatan dan Surat dari Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) boleh didapati di laman web <http://www.ump.edu.my/pekeliling/pendaftar.htm> dan <http://www.ump.edu.my/pekeliling/ptmk.htm>.

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(HJ. MUSTAFA BIN IBRAHIM)
Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

s.k - Naib Canselor



KETUA PENGARAH
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN
PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)
JABATAN PERDANA MENTERI
ARAS 6, BLOK B2
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA

MAMPU

Telefon : 03-88882311
Faks : 03-88883163
Email : normah@mampu.gov.my

MAMPU.BDPICT (S) 700-6/1/3 (21)

19 November 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Y.Bhg./Y.B. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PENGGUNAAN MEDIA JARINGAN SOSIAL DI SEKTOR AWAM

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Seperti Y.Bhg./Y.B. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, penggunaan media jaringan sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *MySpace* telah digunakan secara meluas di sektor awam samada dalam atau luar negara. Media jaringan sosial merupakan satu saluran komunikasi berkesan yang telah diguna pakai oleh pelbagai pihak untuk berkomunikasi dan berkongsi pelbagai maklumat yang berkaitan.

3. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) Bil. 2 Tahun 2009 bertarikh 6 Ogos 2009 telah memutuskan bahawa penggunaan media jaringan sosial dalam sektor awam tidak disekat penggunaannya, namun begitu ia perlulah dikawal dengan memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2000 NO SIJIL: KLR 0500331

- (a) mematuhi Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 1 Tahun 2003 "Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-Agensi Kerajaan";
- (b) sebarang bentuk maklumat yang dikongsi dan disebar melalui media sosial tidak menjejaskan kepentingan perkhidmatan awam dan kedaulatan negara; dan
- (c) tidak melibatkan penyebaran maklumat dan dokumen terperingkat.

4. Pihak Y.Bhg./Y.B. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan semua maklumat Kerajaan hendaklah dikendalikan mengikut prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan. Sebarang perbuatan mendedahkan maklumat jabatan adalah bertentangan dengan Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2000 iaitu Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan juga Arahan Keselamatan.


5. Semua Ketua Jabatan hendaklah mengambil tindakan sewajarnya agar peraturan ini dipatuhi dan dipantau sepenuhnya dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.

"BERSAMA MELAKSANA TRANSFORMASI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATUK NORMAH/BINTI MD. YUSOF)

s.k.

Y.Bhg. Tan Sri Mohd Sidek Hj Hassan
Ketua Setiausaha Negara
Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA